

29 JULY 2000

AGONG DAN RAJA PERMAISURI HADIRI PERKAHWINAN ANAK KHALIL YAAKOB

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berkenan berangkat menghadiri majlis persandingan anak lelaki Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yakob malam ini.

Rahadian Mahmud, anak ketiga Khalil memilih Ida Razila anak kepada bekas Ketua Pengarah Pendidikan Tan Sri Abdul Rahman Arshad.

Kedua-dua Seri Paduka dan tetamu kehormat lain menepung tawar kedua-dua mempelai itu di majlis yang diadakan di sebuah hotel lima bintang, di sini.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut berangkat Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah, Pemangku Sultan Selangor Tengku Idris Shah serta kerabat-kerabat diraja Pahang dan Selangor.

Antara kenamaan lain ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Hamdan Sheikh Tahir, menteri-menteri kabinet dan menteri-menteri besar.

Majlis serba gemilang itu diserikan dengan persembahan nyanyian oleh penyanyi Yusni Hamid dan persembahan kebudayaan Briged Seni Melaka.

-- BERNAMA

FA ARA RHM